

**A Teang Soo Thong dan satu lagi lwn Malaysia Venture Capital
Management Bhd dan lain-lain**

**B MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO
22NCC-31-02 TAHUN 2015
HAS ZANAH MEHAT H
23 DECEMBER 2015**

C *Prosedur Sivil — Pembatalan — Pliding — Plaintiff-plaintif memfailkan tindakan tort kecuaiian, konspirasi, niat jahat dan pelanggaran tanggungjawab fidusiari terhadap defendan-defendan — Defendan-defendan telah lebih awal mendapatkan penghakiman muktamad terhadap plaintiff-plaintif dalam tindakan berasingan — Defendan-defendan memohon pembatalan tindakan plaintiff — Sama ada plaintiff-plaintif mempunyai kausa tindakan terhadap defendan-defendan — Sama ada berlaku penyalahgunaan proses mahkamah — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19*

E Plaintiff kedua dan defendan pertama telah memasuki perjanjian langganan, perjanjian pemegang saham dan perjanjian 'put and call option' (secara kolektif dirujuk sebagai 'dokumen pelaburan') bagi tujuan penyenaiaan plaintiff kedua dalam Bursa Saham Singapura. Bagi tujuan tersebut, defendan pertama telah melabur di dalam plaintiff kedua sebanyak RM7.5 juta. Akibat daripada tindakan plaintiff-plaintif melanggar terma dokumen pelaburan tersebut, defendan pertama telah memfailkan guaman pertama terhadap plaintiff. Setelah pliding di dalam guaman pertama ditutup, plaintiff-plaintif telah memohon untuk meminda pembelaan namun telah dibantah oleh defendan-defendan kerana telah lewat. Oleh yang demikian, plaintiff-plaintif telah menarik balik permohonan tersebut dan memfailkan tuntutan berasingan terhadap defendan-defendan atas tort kecuaiian, konspirasi, niat jahat dan pelanggaran tanggungjawab fidusiari. Lanjutan daripada itu, defendan-defendan telah memfailkan permohonan ini di bawah A 18 k 19(1)(a) atau (b) atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM') untuk membatalkan tuntutan tersebut kerana tidak mempunyai kausa tindakan yang munasabah dan merupakan penyalahgunaan proses mahkamah.

Diputuskan, membenarkan permohonan defendan-defendan dengan kos sebanyak RM10,000:

I (1) Pra-syarat bagi kausa tindakan untuk 'malicious prosecution' adalah untuk plaintiff-plaintif membuktikan: (a) bahawa pendakwaan oleh defendan-defendan terhadap plaintiff-plaintif di mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berakhir dengan memihak kepada plaintiff-plaintif; (b) prosiding yang dibawa terhadap plaintiff adalah

berniat jahat; dan (c) prosiding yang dibawa terhadap plaintiff adalah tanpa sebab yang munasabah. Dalam kes ini, penghakiman muktamad di bawah A 14 KKM telah diperolehi oleh defendan pertama dalam guaman pertama, maka plaintiff-plaintiff telah gagal memenuhi pra-syarat bagi mewujudkan kausa tindakan untuk 'malicious prosecution' terhadap defendan-defendan. Oleh itu plaintiff-plaintiff tidak mempunyai kausa tindakan terhadap defendan-defendan (lihat perenggan 12–13).

A

B

- (2) Plaintiff-plaintiff juga tidak mempunyai kausa tindakan terhadap defendan kedua dan ketiga secara peribadi kerana defendan kedua dan ketiga hanyalah pengkhidmat dan nomini defendan pertama dalam plaintiff kedua. Apa-apa undian atau bantahan terhadap resolusi plaintiff kedua adalah untuk menjaga kepentingan defendan pertama sebagai pelabur berdasarkan perjanjian pemegang saham (lihat perenggan 14).

C

D

- (3) Oleh kerana adalah jelas plaintiff-plaintiff tidak mempunyai kausa tindakan terhadap defendan-defendan, maka pemfailan guaman ini terhadap defendan-defendan adalah penyalahgunaan proses mahkamah kerana tuntutan plaintiff tidak boleh dipertahankan dari segi undang-undang (lihat perenggan 15).

E

[English summary

Both the plaintiff and the first defendant had entered a subscription agreement, a shareholders agreement and a 'put and call option' agreement (collectively referred to as the 'investment document') for purposes of listing the second plaintiff in the Singapore Stock Exchange. For this purpose, the defendants had invested in the second plaintiff RM7.5m. As a result of the plaintiffs' action which breached the terms of the investment documents, the first defendant filed the first suit against the plaintiff. After pleading in the first suit was closed, the plaintiffs sought to amend the defence but was objected by the defendants as it was late. The plaintiffs had withdrawn the application and filed a separate claim against the defendants on tort of negligence, conspiracy, bad faith and breach of fiduciary duty. Further, the defendants filed this application under O 18 r 19(1)(a) or (b) or (d) of the Rules of Court 2012 ('the ROC') to dismiss the claim as there was no reasonable cause of action and was an abuse of the court process.

F

G

H

Held, allowing the defendants' application with costs of RM10,000:

- (1) The prerequisites for a cause of action for 'malicious prosecution' is for the plaintiffs to prove: (a) that the prosecution by the defendants against the plaintiffs in a court with jurisdiction ultimately was in favour of the plaintiffs; (b) proceedings brought against the plaintiff was malicious; and (c) proceedings brought against the plaintiffs was without reasonable cause. In this case, the final judgment under O 14 of the ROC was

I

- A obtained by the first defendant in the first suit, the plaintiffs had failed to meet the pre-requisite for establishing a cause of action for ‘malicious prosecution’ against the defendants. Thus the plaintiffs had no cause of action against the defendants (see paras 12–13).
- B (2) The plaintiffs also did not have a cause of action against the second and third defendants personally as the second and third defendants were servants and nominees of the first defendant in the second plaintiff. Any vote or objection against the resolution of the second plaintiff was to protect the interests of the first defendant as investors based on the shareholders’ agreement (see para 14).
- C (3) As it was clear that the plaintiffs had no cause of action against the defendants, the filing of this suit against the defendants was an abuse of the court process as the plaintiff’s claim could not be maintained in terms of the law (see para 15).]
- D

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pembatalan pliding, lihat 2(5) *Mallal’s Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 8902–8926.

E

Kes-kes yang dirujuk

Lim Chee Kuo v The Pacific Bank Bhd [1997] MLJU 472; [1999] 1 CLJ 270, MT (dirujuk)

F

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 A 14, A 18 kk 19(1)(a), (1)(b), (1)(d)

Goik Kenzo (Nasir Kenzin & Tan) bagi pihak plaintif.

Justin Voon (CP Lee bersamanya) (Justin Voon Chooi & Wing) bagi pihak defendan.

G

Has Zanah Mehat H:

PENGENALAN

H

[1] Ini adalah notis permohonan oleh defendan-defendan di bawah A 18 k 19(1)(a) atau (b) atau (d) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 untuk membatalkan tuntutan plaintif-plaintif kerana tidak mempunyai kausa tindakan yang munasabah dan merupakan penyalahgunaan proses mahkamah.

I

KERTAS-KERTAS KAUSA YANG DIRUJUK

A

[2] Afidavit yang dirujuk bagi menyokong permohonan ini ialah:

- (a) afidavit sokongan — lampiran 7;
- (b) afidavit balasan plaintif-plaintif — lampiran 12; dan
- (c) afidavit balasan defendan-defendan — lampiran 13.

B

ALASAN PERMOHONAN

C

[3] Alasan-alasan permohonan adalah seperti berikut:

- (a) tuntutan plaintif-plaintif adalah tanpa kausa tindakan yang munasabah dan merupakan penyalahgunaan proses mahkamah;
- (b) tindakan ini difailkan secara fikiran semula selepas defendan pertama mengambil tindakan undang-undang terhadap plaintif-plaintif melalui Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Guaman No 22NCC-400-10 Tahun 2014 ('guaman pertama');
- (c) pemfailan guaman pertama tersebut oleh defendan pertama yang merupakan hak defendan pertama untuk berbuat demikian dan adalah tidak menimbulkan kausa tindakan bagi plaintif menuntut terhadap defendan-defendan;
- (d) defendan kedua dan defendan ketiga tiada perhubungan kontrak dengan plaintif-plaintif berdasarkan konsep 'separate legal entities' kerana mereka hanyalah pengkhidmat atau pegawai defendan pertama;
- (e) plaintif-plaintif tidak mempunyai apa-apa kausa tindakan terhadap defendan-defendan;
- (f) tujuan kolateral guaman di sini adalah untuk membawa tekanan ke atas defendan-defendan disebabkan guaman pertama tersebut yang diambil oleh defendan pertama terhadap plaintif-plaintif; dan
- (g) alasan-alasan lain seperti yang dinyatakan di dalam affidavit sokongan yang diikrarkan oleh Amiruddin Azahar pada 20 Mac 2015.

D

E

F

G

H

LATAR BELAKANG FAKTA

[4] Kira-kira pada tahun 2010 defendan pertama telah didekati oleh plaintif pertama untuk tawaran pelaburan dalam plaintif kedua. Plaintif pertama merepresentasikan bahawa plaintif kedua boleh disenaraikan dalam Bursa Saham Singapura enam bulan dari tarikh pelaburan pertama oleh defendan pertama.

I

- A** [5] Berdasarkan tawaran pelaburan dan representasi tersebut plaintif pertama, kedua dan defendan pertama pada 25 Februari 2011 telah memasuki tiga perjanjian berkaitan langganan saham dalam plaintif kedua untuk tujuan penyenaian dalam Bursa Saham Singapura. Perjanjian-perjanjian tersebut ialah:
- B**
- (a) perjanjian langganan ('subscription agreement');
 - (b) perjanjian pemegang saham ('shareholder agreement'); dan
 - (c) perjanjian 'put and call option' (di antara defendan pertama dan plaintif pertama).
- C** Ketiga-tiga perjanjian tersebut secara kolektif dirujuk sebagai 'dokumen pelaburan'.
- D** [6] Berdasarkan dokumen pelaburan tersebut defendan pertama adalah pemegang 7.5 juta saham keutamaan boleh tebus ('RCPS') dalam plaintif kedua. Plaintif pertama adalah pemegang saham biasa substantial dalam plaintif kedua iaitu 1,275,000 saham. Namun begitu plaintif pertama adalah pihak yang mengurus dan menguasai plaintif kedua. Defendan pertama telah membayar RM7.5 juta untuk RCPS tersebut dalam dalam dua 'tranches' yang masing-masing RM5 juta untuk 'working capital' dan RM2.5 juta yang hendaklah digunakan untuk tujuan penyenaian. Berdasarkan fasal 11.1.1 perjanjian pemegang saham, plaintif-plaintif hendaklah melantik 'sponsor' untuk penyenaian plaintif kedua di Bursa Saham Singapura enam bulan selepas penyempurnaan langganan. Berdasarkan perjanjian langganan, berlakunya 'event of default' jika 'sponsor' tidak dilantik dalam tempoh enam bulan penyempurnaan bayaran 'tranche' yang pertama dan memberikan hak kepada defendan pertama untuk satu 'put option' supaya plaintif pertama membeli 7.5 juta RCPS tersebut pada harga opsyen yang telah dipersetujui.
- E**
- F**
- G** Tarikh penyempurnaan kedua-dua bayaran tersebut adalah masing-masing pada 17 Mac 2011 dan 29 Jun 2011.
- H** [7] Defendan pertama menyatakan bahawa 'event of default' telah berlaku apabila:
- (a) plaintif-plaintif gagal melantik 'sponsor' untuk penyenaian di Bursa Saham Singapura;
 - (b) tidak melaksanakan apa-apa obligasi berpatutan atau persediaan untuk penyenaian iaitu hanya menyediakan deraf pada sekitar Ogos 2011;
 - (c) plaintif-plaintif telah menghabiskan wang yang dibayar oleh defendan pertama untuk tujuan perniagaan plaintif kedua yang lain;
- I**

- (d) telah menukar haluan daripada disenaraikan di Bursa Saham Singapura, plaintif-plaintif memohon untuk berpindah ke Bursa Saham Kuala Lumpur; **A**
- (e) namun, sehingga 28 Februari 2012 tidak ada perkembangan mengenai usaha penyenaian di Bursa Saham Kuala Lumpur; dan **B**
- (f) gagal memberi laporan bulanan plaintif kedua tepat masa dan secara konsisten.
- [8]** Berakibat daripada kemungkiran atau 'event of default' tersebut defendan pertama telah mengeluarkan satu 'redemption notice' bertarikh 10 April 2013 meminta plaintif kedua menebus balik RCPS tersebut dengan jumlah penebusan sebanyak RM11,653,483.04 pada atau sebelum 24 April 2013. **C**
- [9]** Seterusnya defendan pertama telah memfailkan guaman pertama terhadap plaintif-plaintif pada 23 Oktober 2014 (eksh AA-6 kepada lampiran 7) kerana kemungkiran perjanjian-perjanjian dalam dokumen pelaburan tersebut oleh plaintif-plaintif dan untuk menguatkuasakan hak-hak defendan. Selepas pliding ditutup plaintif-plaintif memohon meminda pembelaan termasuk membawa masuk tuntutan balas dan kemudian dibantah oleh defendan-defendan kerana telah lewat. Plaintif-plaintif kemudiannya menarik balik permohonan tersebut pada 4 Mac 2015 dan memfailkan tuntutan berasingan terhadap defendan-defendan dalam guaman ini. **D**
- [10]** Tuntutan plaintif-plaintif dalam guaman ini terhadap defendan-defendan ialah tort kecuai, konspirasi, niat jahat dan pelanggaran tanggungjawab fidusiari. Butiran tuntutan defendan di antaranya seperti berikut: **E**
- (a) defendan pertama mengeluarkan 'redemption notice' tanpa apa-apa pelanggaran syarat dan seterusnya, membawa guaman pertama terhadap plaintif-plaintif; **F**
- (b) justeru itu, defendan pertama telah melanggar syarat-syarat dokumen pelaburan dan terutamanya fasal 19.4 perjanjian pemegang saham; **G**
- (c) defendan pertama enggan hadir mesyuarat pengarah plaintif kedua; **H**
- (d) defendan pertama melanggar fasal 19.4 perjanjian pemegang saham yang menyebabkan kerugian dan kerosakan kepada plaintif; **I**
- (e) defendan kedua adalah wakil defendan pertama dalam lembaga pengarah plaintif kedua. Oleh itu, mempunyai tanggungjawab fidusiari terhadap plaintif kedua;

- A** (f) defendan-defendan mempunyai tanggungjawab berhati-hati terhadap plaintif;
- (g) defendan kedua telah menyalahgunakan maklumat plaintif kedua dan menyebabkan penangguhan/kegagalan 'reverse take over' ('RTO')
- B** plaintif kedua melalui Cybertower Bhd kerana enggan menandatangani resolusi mesyuarat pengarah menyebabkan penyenaian plaintif kedua terbengkalai dan pengurusan plaintif kedua lumpuh;
- (h) defendan-defendan telah cuai dan salah dengan membantah atau enggan memberi kebenaran kepada plaintif kedua disenaraikan di Bursa Kuala Lumpur melalui RTO Cybertower Bhd;
- C** (i) defendan-defendan bersubhat menggagalkan penyenaian plaintif secara RTO;
- D** (j) defendan-defendan dengan tanpa 'event of default' telah memulakan guaman pertama;
- (k) gagal memberhentikan prosiding di mahkamah;
- (l) defendan kedua adalah wakil defendan pertama dan juga pengarah syarikat plaintif kedua dan pada setiap masa material mempunyai tanggungjawab fidusiari sebagai pengarah plaintif kedua;
- E** (m) defendan-defendan dengan secara cuai dan 'mala fide' menyalahguna segala maklumat-maklumat yang didapati dari plaintif-plaintif menyebabkan kerosakan dan kerugian terhadap plaintif-plaintif;
- F** (n) defendan-defendan telah menyalahguna prosiding mahkamah untuk menyebabkan penangguhan dan/atau kegagalan 'reverse take over' dan juga menyebabkan kerosakan dan kerugian plaintif-plaintif; dan
- G** (o) defendan-defendan sebagai pelabur, pengarah dan ketua eksekutif mempunyai, memiliki, mengetahui dan mendapat maklumat-maklumat sulit, am dan sensitif serta dokumen-dokumen plaintif-plaintif serta berpengetahuan bahawa plaintif-plaintif di dalam proses akhir penyenaian ke Bursa Saham Kuala Lumpur telah dengan
- H** sengaja, cuai dan berniat jahat tidak menghadiri apa-apa mesyuarat plaintif kedua dan telah enggan menandatangani apa-apa dokumen untuk plaintif kedua dan seterusnya telah memulakan prosiding mahkamah dengan tujuan merosakkan segala rancangan plaintif-plaintif.
- I**

[11] Oleh kerana perbuatan defendan-defendan seperti di atas, plaintif-plaintif dengan itu telah mengalami kerosakan dan kehilangan reputasi di dalam dunia perniagaan. Oleh itu, plaintif-plaintif memohon penghakiman terhadap defendan-defendan seperti berikut:

- (a) RM60 juta ke atas kerugian dan kerosakan akibat penangguhan dan/atau pembatalan RTO; **A**
- (b) RM5 juta ke atas kerugian dan kerosakan akibat penarikan pinjaman dan kredit bank-bank;
- (c) USD10,000 ke atas kerosakan dan kerugian keuntungan dan/atau pendapatan dari Express Group dari Indonesia; **B**
- (d) USD150 juta ke atas kehilangan keuntungan dan/atau pendapatan dari kontrak Uncedo Taxi di Afrika Selatan;
- (e) USD6 juta ke atas kehilangan keuntungan dan/atau pendapatan dari kontrak Uganda Revenue Authority; **C**
- (f) RM21 juta ke atas kehilangan keuntungan dan/atau pendapatan dari kontrak Sunlight Malaysia;
- (g) kerosakan dan kerugian berjumlah RM30 juta akibat kehilangan reputasi defendan-defendan; **D**
- (h) kerosakan dan kerugian akibat kehilangan pendapatan sebanyak 30% akibat penarikan balik tawaran pinjaman dan kemudahan kredit oleh Hong Leong Bank Bhd dan Exim bank berjumlah RM3 juta tiap-tiap tahun dan juga kerugian akibat kehilangan peluang perniagaan; **E**
- (i) kerugian dan kerosakan am;
- (j) faedah 5% setiap tahun dari tarikh writ sehingga penyelesaian penuh; **F**
- (k) kos tindakan in; dan
- (l) satu perintah mahkamah ini yang didapati suai dan manfaat.

KEPUTUSAN

Sama ada plaintif mempunyai kausa tindakan terhadap defendan-defendan

[12] Saya telah meneliti pliding plaintif dalam guaman ini dan juga pembelaan plaintif-plaintif dalam guaman pertama (defendan-defendan dalam guaman pertama) adalah mengenai subjek yang sama iaitu berkaitan kewajipan kontrak di bawah tiga perjanjian dalam dokumen pelaburan. Isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah dalam kedua-dua guaman pertama dan guaman ini ialah sama ada berlaku kemungkiran terma-terma dokumen pelaburan. Adalah juga didapati berdasarkan penyata tuntutan plaintif dalam guaman ini asas tuntutan adalah kerana plaintif-plaintif tidak berpuas hati terhadap defendan-defendan yang membawa tindakan terhadap mereka dalam guaman pertama kerana plaintif-plaintif didakwa oleh defendan pertama telah memungkirkan perjanjian-perjanjian dalam dokumen pelaburan. Tidak terdapat asas undang-undang atau timbulnya kausa tindakan jika sesuatu pihak itu

G**H****I**

- A** memfailkan tindakan terhadap mana-mana pihak atas kemungkiran kontrak kecualilah tuntutan ganti rugi untuk 'malicious prosecution'. Namun begitu seperti yang dinyatakan dalam kes *Lim Chee Kuo v The Pacific Bank Bhd* [1997] MLJU 472; [1999] 1 CLJ 270 kausa tindakan untuk 'malicious prosecution' hanya akan lengkap atau wujud apabila plaintif-plaintif
- B** membuktikan:
- (a) bahawa pendakwaan oleh defendan-defendan terhadap plaintif di mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berakhir dengan memihak kepada plaintif;
 - (b) prosiding yang dibawa terhadap plaintif adalah berniat jahat; dan
 - (c) prosiding yang dibawa terhadap plaintif adalah tanpa sebab yang munasabah.
- D** [13] Dalam kes ini berdasarkan affidavit-afidavit yang difailkan, setakat tarikh hujahan dalam prosiding permohonan dalam guaman ini, prosiding dalam guaman pertama belum lagi tamat. Namun begitu semasa hari keputusan permohonan ini mahkamah telah dimaklumkan oleh En Justin Voon, peguam defendan-defendan bahawa defendan pertama dalam guaman ini telah memperolehi penghakiman muktamad di bawah A 14 dalam guaman pertama. Oleh itu adalah secara jelas bahawa plaintif-plaintif dalam guaman ini telah gagal memenuhi pra syarat bagi mewujudkan kausa tindakan untuk 'malicious prosecution' terhadap defendan-defendan. Oleh itu plaintif-plaintif tidak mempunyai kausa tindakan terhadap defendan-defendan.
- E**
- F** [14] Plaintif-plaintif juga tidak mempunyai kausa tindakan terhadap defendan kedua dan ketiga secara peribadi. Kedua-dua defendan ini bertindak membuat keputusan berdasarkan kuasa yang diberi oleh defendan pertama sebagai pelabur kerana mereka adalah pengkhidmat atau pegawai defendan pertama dan sebagai nomini defendan pertama dalam plaintif kedua. Apa-apa undian atau bantahan terhadap apa-apa resolusi plaintif kedua adalah untuk menjaga kepentingan defendan pertama sebagai pelabur berdasarkan perjanjian pemegang saham yang memperuntukkan seperti berikut:
- G**
- H** 6.8 Nominee director of subscriber
- The other Parties irrevocably and unconditionally agree with the Subscriber that as the director appointed by the Subscriber is the nominee of the Subscriber, such director shall be entitled to report all matters concerning the company, including but not limited to, matter discussed at any meeting of its Board to the Subscriber and that such director may take advice and obtain instructions from Subscriber.
- I**

Penyalahgunaan proses mahkamah

[15] Oleh kerana adalah jelas plaintif-plaintif tidak mempunyai kausa tindakan terhadap defendan-defendan, maka pemfailan guaman ini terhadap defendan-defendan adalah penyalahgunaan proses mahkamah. Saya bersetuju dengan hujahan defendan-defendan bahawa tuntutan plaintif-plaintif di sini adalah penyalahgunaan proses mahkamah dan tidak wajar dibenarkan kekal dalam senarai daftar kes di mahkamah kerana tuntutan plaintif adalah tidak boleh dipertahankan ('unsustainable') dari segi undang-undang.

KESIMPULAN

[16] Berdasarkan di atas permohonan defendan-defendan adalah dibenarkan dengan kos. Selepas pihak-pihak berhujah mengenai kos, mahkamah telah membenarkan kos sebanyak RM10,000 kepada defendan.

Permohonan defendan-defendan dibenarkan dengan kos sebanyak RM10,000.

Reported by Dzulqarnain Ab Fatar

A

B

C

D

E

F

G

H

I